

TERKINI UTAMA & SENSASI



By Mohd Arshad · 26/07/2022 · 0 · 35

Jumlah harian kes Covid-19 masih melebih 1,000 sehari meskipun negara dalam fasa peralihan kepada endemik.

Ikuti Mynewshub: Telegram

Ini bermaksud Covid-19 masih merupakan suatu ancaman kesihatan kepada masyarakat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar baru-baru ini memaklumkan tentang gelombang baharu Covid-19.

Gelombang baharu yang dijangka lebih awal berbanding tempoh dua atau tiga bulan diramalkan.

Antara langkah terpenting pencegahan selain daripada pengambilan vaksin adalah pemeriksaan jangkitan.

Paling mudah untuk melakukan pemeriksaan menggunakan kit ujian kendiri yang banyak dijual di pasaran.

Mungkin ada belum mengetahui bahawa pembelian kit ujian pengesanan Covid-19 adalah layak untuk pelepasan cukai.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebelum ini memaklumkan pelepasan cukai individu itu sehingga RM1,000.

Mereka yang layak adalah rakyat Malaysia dengan gaji tahunan sebanyak RM34,000 kebawah.

Pelepasan cukai tersebut adalah secara one-off, namun perbelanjaan hendaklah dibuktikan oleh resit.

Ini bermaksud membeli kit ujian kendiri bukan suatu kerugian, sebaliknya memberi dua manfaat dalam satu.

Pertama, kita dapat melakukan ujian secara berkala demi memastikan isi keluarga bebas jangkitan Covid-19.

Kedua, kita mendapati pelepasan cukai LHDNM sehingga RM1,000 bagi menjamin keselamatan diri dan keluarga.

Justeru, usah terlalu ‘berkira’ untuk membeli kit ujian kendiri untuk kegunaan diri dan keluarga.

Ia kerana kerajaan melalui LHDNM memahami keperluan alat tersebut demi kemasalahan masyarakat.

-Mynewshub

